



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 DISEMBER 2022 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

21 DISEMBER 2022 (RABU)

11 barang di bawah skim harga maksimum

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan melaksana Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Hari Krismas melibatkan 11 jenis barang bermula Jumaat ini sehingga 27 Disember.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, objektif kepada pelaksanaan SHMMP adalah bagi memastikan tidak ada mana-mana pihak melakukan pencatutan harga dan barang keperluan rakyat berada dalam keadaan stabil.

"Kita telah adakan libat urus dengan pihak berkepentingan demi memastikan jaminan bekalan dan saya harap dengan adanya Operasi Terjah yang saya lancarkan pada 16 Disember lalu ia dapat membantu kerana pegawai kita di semua peringkat boleh memantau dengan penuh tanggungjawab sepanjang Krismas.

"Kita juga dapat memastikan semua rakyat dapat membeli barang, serta mewujudkan kestabilan di pasaran. Dengan harga yang ditetapkan ini, rakyat boleh rasa sedikit gembira dalam menyambut perayaan," katanya dalam sidang akbar di sini semalam.

Sebanyak 11 barang terlibat dalam SHMMP iaitu ayam tua hidup, kepak ayam, daging kambing biri-biri import bertulang, tomato, lada benggala hijau, kubis bulat import, lobak merah, dan ubi kentang import.



KERAJAAN menetapkan 11 barang diletakkan di bawah skim harga maksimum sempena perayaan Krismas mulai Jumaat hingga 27 Disember ini.

Turut termasuk senarai ialah babi hidup, daging babi (perut), dan daging babi (daging dan lemak) yang dikawal di Sarawak, Sabah, dan Labuan.

Jelas Salahuddin, Ops Terjah telah mengenalpasti tiada adu-

an mengenai pelanggaran harga kawalan yang diterima, tetapi lebih kepada aduan tentang kekurangan bekalan.

"Setakat ini kita telah terima beberapa aduan dan terbaru adalah di Kuantan semalam ten-

tang telur gred C yang dilaporkan kehabisan," ujarnya.

Menurutnya, beliau telah meminta pegawai kementerian ke pasar raya terlibat dan didapati bekalan kembali ke tahap yang biasa.

Sidang Dewan Rakyat

Import sehingga 10 juta telur sehari mulai esok

Langkah kerajaan bagi tampung permintaan pasaran tempatan, kawal harga

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengimport sekurang-kurangnya dua juta hingga 10 juta telur sehari mulai esok untuk menampung keperluan dan permintaan pasaran tempatan selain bagi tujuan mengawal harganya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jumlah import telur itu sudah bermula sejak 15 Disember lalu dengan permulaan kemaskini import sebanyak 100,000 biji.

"Maka kita sudah buat perubahan dengan memberikan import bermula pada 15 Disember, 100,000 biji telur (import) dan mulai 22 Disember (Khamis), dua hingga 10 juta telur sehari akan dibawa masuk sehingga keadaan stabil dan keupayaan pengeluaran tempatan terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan usul Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Wang Masuk) 2022 bagi bacaan kali kedua di Dewan Rakyat, semalam.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu memaklumkan kerajaan akan mengimport bekalan telur daripada beberapa negara sumber yang sudah dikenal pasti dengan segera bagi menjamin bekalan tempatan mencukupi.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, isu kenaikan harga barang

khususnya telur ayam dan ayam sebelum ini berterusan hingga kini disebabkan faktor harga banyak ditentukan industri, bukannya kerajaan.

"Kita sudah adakan mesyuarat untuk kenaikan harga barang yang menjadi keperluan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Datuk Seri Salahuddin Ayub) untuk memastikan keperluan itu ada.

"Dalam beberapa minggu, ayam, telur pada 12 Disember, 15 Disember diimport. Ini masalahnya adalah kartel. Masalahnya menetapkan kepada syarikat besar untuk tentukan harga.

"(Justeru) mesti ada kekuatan politik, tekad untuk menyatakan dalam dasar ekonomi (untuk) maslahat awam dan orang ramai diberi keutamaan," katanya.

Skim harga maksimum

Sementara itu, Salahuddin mengumumkan penguatkuasaan skim harga maksimum musim perayaan Krismas 2022 selama lima hari bermula Jumaat ini hingga Selasa depan.

Beliau berkata ia membabitkan 11 barang iaitu ayam tua hidup, kepak ayam, daging kambing biri-biri bertulang import, tomato, lada benggala hijau, kubis bulat import, lobak merah, ubi kentang import, babi hidup (ladang sahaja), daging babi (perut) serta daging babi (daging dan lemak).

Penguatkuasaan kawalan harga maksimum bagi ayam tua hidup, kepak ayam, babi hidup (ladang sahaja), daging babi (perut) serta daging babi (daging dan lemak) banyak berfokus kepada bekalan di Sabah dan Sarawak serta Labuan.

"Barang ini kebanyakannya diimport dan permintaannya



Salahuddin pada sidang media di Parlimen, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

cukup tinggi di Sabah, Sarawak dan Labuan berbanding Semenanjung.

"Kementerian akan sentiasa membimbang dan memastikan harga dapat dilaksana pada peringkat pasar raya, pasar mini dan kedai runcit di kawasan pedalaman supaya barang ini dapat dibeli serta mengelak sebarang tindakan pencatutan harga," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Salahuddin berkata, bagi ayam tua hidup, harga kawalan pada peringkat runcit ditetapkan adalah RM8.10 sekilogram (kg), sementara kepak ayam adalah RM14 bagi sekilogram berbanding harga semasa RM16 sekilogram.

Bagi daging kambing biri-biri bertulang import pula katanya, harga kawalan adalah RM37 setiap kg, tomato (RM5 setiap kg), lada benggala hijau (RM14 setiap kg), kubis bulat import (RM4 setiap kg), lobak merah (RM4.50 se-

tiap kg) dan ubi kentang import, RM4 bagi sekilogram.

"Bagi babi hidup (ladang sahaja), harga kawalan runcit di Sarawak ditetapkan pada RM15 sekilogram, sama dengan harga pasaran ketika ini. Sementara Sabah dan Labuan RM19.50 setiap kg. Daging babi (perut), di Sarawak harga kawalan RM30 setiap dan Sabah serta Labuan adalah RM45 setiap kg.

"Daging babi (daging dan lemak), di Sarawak harga peringkat runcit adalah RM27 setiap kg, harga semasa adalah RM35 setiap kg. Sementara di Sabah dan Labuan pula, harga kawalan adalah RM38 setiap kg berbanding harga semasa RM45 setiap kg," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian akan mengajukan bantuan segera 'Food Bank' kepada mangsa banjir di seluruh negara dalam usaha meringankan beban mereka.

11 barang akan diwartakan sempena Krismas – KPDN

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) mengenal pasti 11 jenis barang yang akan diwartakan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2022.

Menyerinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, SHMMP akan berkuat kuasa dari 23 Disember hingga 27 Disember ini, dua hari sebelum perayaan, sehari semasa perayaan dan dua hari selepas perayaan disambut.

“Sebanyak 11 jenis barang yang akan diwartakan bagi pelaksanaan SHMMP Krismas 2022 adalah ayam tua hidup (dikawal di Sarawak), kepak ayam (dikawal di Sarawak, Sabah dan Labuan), daging kambing biri-biri import bertulang dan tomato.

“Turut akan diwartakan adalah lada bengala hijau, kobis bulat import (China dan Indonesia), lobak merah dan kentang import (China),” katanya dalam kenyataan semalam.



LOBAK merah antara 11 jenis barang yang akan diwartakan bagi pelaksanaan SHMMP Krismas 2022. – GAMBAR HIASAN

Menurut Salahuddin, bagi pelaksanaan SHMMP Krismas 2022 ini, pihaknya juga akan mewartakan babi hidup (dikawal di peringkat ladang), daging babi (perut) dan daging serta lemak babi yang dikawal di Sarawak, Sabah dan Labuan.

“Tempoh pelaksanaan SHMMP Krismas 2022 kali ini bersesuaian mengikut keadaan semasa, lait u mewujudkan su-

sana menang-menang kepada pengguna dan peniaga.

“Penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada pemain industri, Kementerian Pertanian dan Kejuraminan Makanan serta agensi terbabit.

“Data-data harga barang diperoleh daripada Bahagian Harga Barang Negara, KPDN,” jelasnya.

'Win-win for consumers and traders'

Minister: A shorter five-day festive maximum price scheme will benefit everyone

By FATIMAH ZAINAL
 fatimah@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The five-day Festive Season Maximum Price Scheme for Christmas Day is for consumers to enjoy reasonable prices while not burdening traders, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

"The implementation period of the scheme is appropriate, which is to create a win-win situation for both consumers and traders."

"This is so that consumers can enjoy reasonable prices while traders are not stressed by a lengthy period of implementation," the Domestic Trade and Cost of Living Minister told reporters after announcing the list of controlled items in Parliament here yesterday.

A total of 11 items are listed as controlled under the scheme effective for five days from Dec 23-27, including live old chicken (controlled in Sarawak only), chicken wings (controlled in Sarawak, Sabah and Labuan), imported bone-in mutton, tomatoes, green bell pepper and round cabbage imported from China and Indonesia.

"We hope that everyone can comply with the set prices and use the pink label for the goods."

"Strict action will be taken against traders who fail to comply with the regulations under this scheme."

"Any trader who commits an offence will be subjected to provisions under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011," he added.

Items under Christmas maximum price scheme

W Wholesale	R Retail	Imported bone-in mutton	Tomatoes	Green bell pepper	Round cabbage imported from China and Indonesia	Carrots	Potatoes imported from China	RM/KG					
								W	R	W	R	W	R
Location													
Peninsula		33	37	4	5	12	14	3	4	3.50	4.50	3	4
Sarawak		35	37	7	8	16	18	4	5	4	5.50	3	4
Limbang, Lawas										5	6.50	3.50	4.50
Sabah - West coast		35	37	6	7	17	19	2.50	3.50	4.50	5.50	3	4
East coast										6.50	7.50	3.50	4.50
Labuan		36	38	6	7	17	19	2.50	3.50	4.50	5.50	3	4

■ Live old chicken is controlled in Sarawak only

The Star graphics

■ Chicken wings, live pigs, pork belly and pork is controlled in Sabah, Sarawak and Labuan only

■ See complete list at www.kpdnhep.gov.my

Source: Domestic Trade and Cost of Living Ministry

Salahuddin said over 2,000 enforcement officers from his ministry had been assigned to strategic locations such as public markets, farmers' markets and shopping centres to monitor the availability of the festive essentials.

This, he said, would enable enforcement to be carried out more effectively with immediate steps taken on consumer complaints and against errant traders.

Information on the scheme and the list of items is also on the ministry's website at



<https://www.kpdnhep.gov.my>

Consumers can lodge complaints related to price issues under the scheme by calling 03-8882 6245/6088 or 1800-886-800.

Complaints can also be lodged by emailing e-aduan@kpdnhep.gov.my or through the Ez ADU smartphone app or WhatsApp 019-279 4317 or 019-8488 000.

Earlier, Salahuddin said food banks had been mobilised to help flood victims starting yesterday.

"We will be comparing notes with non-governmental organisations (NGOs) and corporate bodies that are also donating food to flood victims so that wastage and redundancy can be avoided," he added.

The food bank programme, he said, would be funded under the ministry's corporate social responsibility (CSR) allocation and there was no need for an extra budget.

Salahuddin said the food supply in all the states experiencing flooding were currently stable although there were reports of more expensive vegetables.

11 items listed under Christmas controlled price scheme

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has listed 11 items under the "Christmas Festive Season Maximum Price Control Scheme".

Its minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the scheme would be implemented from Dec 23 to 27.

The items are live whole chicken (controlled in Sarawak only), chicken

wings (controlled in Sarawak, Sabah and Labuan), imported mutton, tomatoes, green capsicum and round cabbage (imported from China and Indonesia).

Other items are carrots, potatoes (imported from China), live pigs (controlled in Sarawak, Sabah and Labuan), pork, porcine belly and fat (controlled in Sarawak, Sabah and

Labuan), Salahuddin told a press conference at the Parliament building yesterday.

He said the price of chicken and chicken eggs would be controlled under the retail prices of chicken and chicken eggs mechanism, adding that implementation of the price control scheme for Christmas would create a win-win situation for

consumers and traders.

Salahuddin also said more than 2,000 enforcement personnel would be deployed to monitor prices of goods at public markets, farmers' markets and retail outlets nationwide to ensure effective enforcement and immediate response to complaints from consumers.

"The government hopes that all

traders will adhere to the prices set under the scheme and display the pink price tags for the controlled price items. Stern action, including penalties, will be taken against traders who fail to comply with the regulations under this scheme."

Items listed may be viewed on the ministry's website at www.kpdnhep.gov.my. — Bernama

Bekalan makanan di negeri terjejas stabil.

Kuala Lumpur: Bekalan makanan di negeri terjejas banjir masih stabil dan terkawal setakat ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, berdasarkan laporan diterima kementerian, pihaknya bagaimanapun mendapat berlaku peningkatan terhadap harga sayur-sayuran tempatan.

"Isu itu (kenaikan harga), saya juga minta pegawai penguat kuasa pastikan tidak berlaku penyorokan atau penyimpanan menjurus kepada pencatutan harga. Setakat ini, kita dapat ia (bekalan sayur) berkurangan atas sebab cuaca, khususnya di negeri Pantai Timur," katanya.

Bercakap pada sidang media di Parlimen semalam, Salahuddin turut mengumumkan, ke menteriannya akan menggerakkan bantuan bank makanan kepada mangsa banjir dengan tumpuan pemberian makanan sedia dimasak, bermula semalam.

* "Kita akan fokus pemberian makanan sedia dimasak sebab mereka tiada masa untuk menjerang air kerana banjir, jadi pengendali *food bank* di bawah kementerian ini akan hantar, bantu.

"Saya akan umumkan peringkat demi peringkat sebagai komitmen kita berkongsi simpati kepada mangsa banjir.

"Jumlahnya kita akan lihat angka mereka yang berpindah (ke pusat pemindahan sementara), berapa keperluan mereka. Selain kementerian, banyak lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO), orang perseorangan dan syarikat menghantar dan kita akan selaras bantuan ini supaya tidak berlaku pembaziran," katanya.

KPDN gerakkan program food bank secara berperingkat

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) akan menggerakkan bantuan Program Food Bank Malaysia (PFBM) bagi membantu mangsa banjir di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, bantuan itu digerakkan bermula semalam dengan memfokuskan makanan yang sudah sedia dimasak bagi memudahkan mangsa banjir.

"Kementerian akan menggerakkan bantuan food bank kepada mereka yang kita dapatti perlu untuk



Pasukan pengendali food bank di bawah KPDN akan menghantar bantuan dan ini akan saya umumkan peringkat demi peringkat"

Salahuddin

mendapat (bantuan) makanan.

"Jadi pasukan pengendali food bank di bawah KPDN

akan menghantar bantuan dan ini akan saya umumkan peringkat demi peringkat supaya dapat meringankan beban mangsa banjir," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Salahuddin berkata, bantuan itu disalurkan segera seperti yang sebelum ini dimana, KPDN menghantar bantuan makanan kepada petugas misi menyelamat dan mangsa terselamat tragedi tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Gohtong Jaya, Batang Kali, Selangor, Jumat lalu.

"Sebagaimana kita bantu di Batang Kali, pasukan (KPDN) ini akan cepat bergerak (untuk menyalurkan bantuan makanan kepada mangsa banjir)," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, bekalan sayur berlungaan disebabkan keadaan cuaca yang berlaku khususnya di Pantai Timur.

Katanya, pihaknya setakat ini ada menerima laporan mengenai peningkatan harga sayur tempatan dan susulan itu, pegawai penguat kuasa sudah diminta untuk mengambil tindakan lanjut.

"Isu itu saya minta pegawai penguat kuasa pastikan bahawa ia tidak berlaku penyimpanan untuk pencatut harga.

"Setakat ini yang kita dapat adalah ia berkiraan atas sebab cuaca dan banjir yang berlaku khususnya di negeri Pantai Timur," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, setakat ini juga, bekalan makanan di semua negeri yang terjejas banjir didapati stabil dan masih terkawal.

Terdahulu, Salahuddin mengumumkan Skim Har-

ga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2022 yang berkuatkuasa bermula 23 Disember hingga 27 Disember ini.

Sebanyak 11 jenis barang akan diwartakan bagi pelaksanaan SHMMP iaitu ayam tua hidup (dikawal di Sarawak), kepak ayam (dikawal di Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan), daging kambing biri-biri import bertulang, tomat, lada bengala hijau, kubis bulat import (China dan Indonesia), lobak merah dan ubi ketang import (China).

Bekalan makanan negeri terjejas banjir stabil

KUALA LUMPUR - Bekalan makanan di negeri terjejas banjir masih stabil dan terkawal setakat ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Menurut Salahuddin, berdasarkan laporan diterima kementerian itu, pihaknya mendapati berlaku peningkatan terhadap harga sayur-sayuran tempatan.

"Isu itu saya juga minta pegawai pengawal kuasa pastikan tidak berlaku penyorokan atau penyimpanan menjurus kepada pencatutan harga dan setakat



SALAHUDDIN

ini, kita dapatkan ia (bekalan sayur) berkurangan atas sebab cuaca khususnya di negeri Pantai Timur," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Parlimen, di sini pada Selasa.

Salahuddin turut mengumumkan kementerian itu akan menggerakkan bantuan bank makanan kepada mangsa banjir dengan tumpuan pemberian makanan sedia dimasak.

Tambahnya, buat masa ini, kementerian tidak menerima aduan mengenai pencatutan harga barang sebaliknya mendapat aduan mengenai


kekurangan bekalan barang di sekitar kawasan, dan telah mengerakkan pegawai pengawal kuasa bagi membuat semakan dan rondaan.

"Isu ini kita tak kategorikan sebagai satu kesalahan serius sebab pasar raya sama ada pasar raya besar atau supermarket, mereka mengadakan kawalan dalamannya. Kalau letal longgok (bekalan), dikhawatir akan berlaku serbuan atau pembelian panik," jelasnya.

Ujarnya, peniaga lazimnya dapat menjalankan kawalan bekalan yang munasabah di premis masing-masing, tetapi jika berlaku sorok atau menguntungkan berlipat ganda, pegawai pengawal kuasa akan mengambil tindakan serta-merta. - Bernama

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : RABU
TARIKH : 21/12/2022
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM8.80	Telur Gred A RM13.50	Gula Pasir RM2.85	Cili Merah RM8.49
	Daging Lembut Tempatan RM44.29	Ikan Kembung RM18.00	Bawang Besar Holland RM3.58	Kubis Bulat Tempatan RM3.49
	Daging Lembut Import RM50.90	Minyak Masak RM6.90	Bawang Putih RM5.00	Tepung Gandum RM3.39
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 DISEMBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Dec	11 barang terkenal di bawah SHMMP sempena Krismas	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/236947	SH
21-Dec	11 barang akan diwartakan sempena Krismas – KPDN	https://www.kosmo.com.my/2022/12/20/11-barangan-akan-diwartakan-sempena-krismas-	KOSMO
21-Dec	Kerajaan waktakan 11 barang makanan kawalan sempena Krismas - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-waktakan-11-barang-makanan-kawalan-sempena-krismas-salahuddin-397794%3famp=1	ASTROAWANI
21-Dec	11 barang disenarai di bawah SHMMP Krismas	https://malaysiagazette.com/2022/12/20/11-barang-disenarai-di-bawah-	MALAYSIAGAZETTE
21-Dec	KPDN umum skim harga maksimum perayaan bermula krimis	https://sumberkini.my/kpdn-umum-skim-harga-maksimum-perayaan-bermula-krismas/	SUMBERKINI
21-Dec	KPNDHEP Announces Necessities Ceiling Price for 2022	https://theiskandarian.com/kpndhep-announces-necessities-ceiling-price-for-2022/	THEISKANDARIAN
21-Dec	11 barang disenarai dalam shmmmp krimis 2022	https://dayakdaily.com/11-barangan-disenarai-dalam-shmmmp-krismas-2022/	DAYAKDAILY
21-Dec	11 barang terkenal di bawah skim kawalan harga sempena Krismas, kata Salahuddin	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/418472	THEMALAYSIANINSIGHT
21-Dec	11 barang bawah skim kawalan sempena Krismas - Salahuddin	https://m.malaysiakini.com/news/648776	MALAYSIAKINI

21-Dec	Chicken wings, carrots among 11 items under Christmas' price control scheme	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2022/12/862673/chicken-wings-carrots-among-11-items-under-christmas-price-control-scheme	NST
21-Dec	Salahuddin: 11 items listed under Christmas maximum price scheme	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/12/20/salahuddin-11-items-listed-under-christmas-maximum-price-scheme/46229	MALAYMAIL
21-Dec	11 barang terkenal di bawah SHMMP Krismas	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/917245/11-barangan-terkenal-di-bawah-shmmp-krismas	HM
21-Dec	11 items listed under Christmas Maximum Price Scheme	https://www.google.com/amp/s/themalaysianreserve.com/2022/12/20/11-items-listed-under-christmas-maximum-price-scheme/amp/	THEMALAYSIANRESERVE
21-Dec	11 items listed under Christmas maximum price scheme	https://www.theborneopost.com/2022/12/20/11-items-listed-under-christmas-maximum-price-scheme/	THEBIRNEOPOST
21-Dec	Skim harga maksimum musim perayaan Krismas akan dikuatkuasa bermula Jumaat	https://suaramerdeka.com.my/skim-harga-maksimum-musim-perayaan-krismas-akan-dikuatkuasa-bermula-jumaat/	SUARAMERDEKA
21-Dec	11 barang bawah skim harga maksimum Krismas mulai Jumaat ini	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1041822/11-barangan-bawah-skim-harga-maksimum-krismas-mulai-jumaat-ini	BH

21-Dec	Sidang Media oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 20 Disember 2022	https://youtu.be/JK3tRoIxkk	PARLIMEN MALAYSIA
21-Dec	KPDN aktifkan PFBM untuk mangsa banjir	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/917255/kpdn-aktifkan-pfbm-untuk-mangsa-banjir	HM
21-Dec	Bekalan makanan di negeri terjejas banjir stabil	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/53576-bekalan-makanan-di-negeri-terjejas-banjir-stabil	BERITARTM
21-Dec	Minister: Govt to mobilise food banks for flood victims immediately	https://www.google.com/amp/s/malaysia.news.yahoo.com/amphtml/minister-govt-mobilise-food-banks-050748793.html	NEWS.YAHOO
21-Dec	Domestic trade minister assures food supply stable in flood-affected states	https://www.thevibes.com/articles/news/80738/domestic-trade-minister-assures-food-supply-stable-in-flood-affected-states	THEVIBES
21-Dec	Bekalan makanan cukup untuk mangsa banjir	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/12/bekalan-makanan-cukup-untuk-mangsa-banjir/	UM
21-Dec	Bekalan makanan negeri terjejas banjir stabil dan terkawal	https://berita.mediacorp.sg/dunia/bekalan-makanan-negeri-terjejas-banjir-stabil-dan-terkawal-717451	BERITAMEDIACORP
21-Dec	Bekalan makanan negeri terjejas banjir stabil, terkawal - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-makanan-negeri-terjejas-banjir-stabil-terkawal-salahuddin-397830%3famp=1	ASTROAWANI

21-Dec	KPDN gerakkan bantuan makanan kepada mangsa banjir	https://ismaweb.net/2022/12/20/kpdn-gerakkan-bantuan-makanan-kepada-mangsa-banjir/	ISMAWEB.NET
21-Dec	Bekalan makanan negeri terjejas banjir stabil, terkawal - Salahud-din	https://www.bernama.com/bm/am/news_bencana.php?id=2149482	BERNAMA
21-Dec	Bekalan makanan negeri terjejas banjir stabil, terkawal: Salahuddin	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/bekalan-makanan-negeri-terjejas-banjir-stabil-terkawal-salahuddin-KK10386826	THESUNDAILY
21-Dec	KPDN gerakkan bantuan food bank kepada mangsa banjir	https://youtu.be/2tJb_gcXohs	ASTROAWANI
21-Dec	KPDN aktifkan PFBM untuk mangsa banjir	https://youtu.be/75Epphtwf4s	BH
21-Dec	KPDN Tubuh 'Food Bank' Bantu Mangsa Banjir	https://youtu.be/ERi-V9SVY_8	SUMBERTV
21-Dec	Over RM126,000 in compounds issued in Bintulu for trade-related offences	https://www.theborneopost.com/2022/12/20/over-rm126000-in-compounds-issued-in-bintulu-for-trade-related-offences/	THEBORNEOPOST
21-Dec	Enough food in states affected by floods, says Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2022/12/862712/enough-food-states-affected-floods-says-salahuddin	NST
21-Dec	Minister: Govt to mobilise food banks for flood victims immediately	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2022/12/20/minister-govt-to-mobilise-food-banks-for-flood-victims-immediately/46226	MALAYMAIL
21-Dec	Food aid to be distributed to flood victims from Tuesday (Dec 20), says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/20/food-aid-to-be-distributed-to-flood-victims-from-tuesday-dec-20-says-salahuddin	THESTAR
21-Dec	Bekalan makanan negeri terjejas banjir stabil, terkawal	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1041880/bekalan-makanan-negeri-terjejas-banjir-stabil-terkawal	BH

21-Dec	Import 2 juta hingga 10 juta telur ayam sehari mulai Khamis	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/12/1041732/import-2-juta-hingga-10-juta-telur-ayam-sehari-mulai-khamis	BH
21-Dec	Kerajaan Import 2 Juta Hingga 10 Juta Telur Ayam Sehari Mulai Khamis Untuk Tampung Permintaan	https://www.google.com/amp/s/therakyatinsight.com/kerajaan-import-2-juta-hingga-10-juta-telur-ayam-sehari-mulai-khamis-untuk-tampung-permintaan/?amp=1	THERAKYATINSIGHT
21-Dec	Pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2022	https://siakapkeli.my/2022/12/20/pengumuman-skim-harga-maksimum-musim-perayaan-shmmp-krismas-2022/	SIAKAPKELI
21-Dec	Ayam, telur ayam akan dikawal menjelang Krismas nanti	https://malaysiadateline.com/ayam-telur-ayam-akan-dikawal-menjelang-krismas-nanti/	MALAYSIADATELINE
21-Dec	11 barang kawalan diwartakan sempena Krismas	https://sabahmedia.com/2022/12/20/11-barang-kawalan-diwartakan-sempena-krismas/	SABAHMEDIA
21-Dec	11 barang kawalan sempena krismas	https://www.melakahariini.my/11-barangan-kawalan-sempena-krismas/	MELAKAHARINI
21-Dec	'Win-win for consumers and traders'	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/21/win-win-for-consumers-and-traders	THESTAR
21-Dec	11 barang dalam skim harga maksimum sempena Krismas	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/12/20/11-barangan-dalam-skim-harga-maksimum-sempena-krismas/	FMT
21-Dec	5 Hari skim Kawalan Harga Sempena Krimis	https://www.google.com/amp/s/www.samudera.my/5-hari-skim-kawalan-harga-sempena-krismas/amp/	SAMUDERA

21-Dec	11 barang akan diwartakan sempena Krismas	https://www.edisi9.com.my/2022/12/11-barangan-akan-diwartakan-sempena-krismas/	EDISI9
21-Dec	11 barang tersenarai di bawah SHMMP sempena Krismas	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2149477	BERNAMA
21-Dec	Banjir: KPDNKSH hantar bantuan makanan	https://www.kosmo.com.my/2022/12/20/kpdn-hantar-bantuan-makanan-kepada-mangsa-banjir/	KOSMO
21-Dec	Stable food supply in flood affected states, says Salahuddin	https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/418499	THEMALAYSIANINSIGHT